

05/10/1998

MT disaran teliti semula tindakan disiplin

JOHOR BAHRU, Ahad - Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat, menyarankan Majlis Tertinggi (MT) Umno yang akan bermesyuarat esok, supaya meneliti semula beberapa keputusan disiplin yang dikenakan ke atas ahli ketika Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi pengerusi Jawatankuasa Disiplin Umno.

Beliau mendakwa penelitian semula itu perlu kerana beberapa keputusan jawatankuasa disiplin ketika itu, tidak adil dan memusnahkan karier ahli parti yang jujur.

Mohamed yang juga Ahli Parlimen Pulai, mendakwa ahli terbabit teraniaya semata-mata kerana mereka bukan penyokong Anwar yang menjadi Timbalan Presiden dan pengerusi jawatankuasa disiplin parti sejak 1993.

Menurutnya, keputusan tidak adil banyak berlaku sebelum pemilihan perwakilan ke Perhimpunan Agung parti dalam usaha Anwar merancang kedudukan penyokongnya di peringkat bahagian.

Mohamed yang juga bekas Setiausaha Agung Umno dan setiausaha dalam jawatankuasa disiplin, berkata Anwar turut menolak aduan disiplin membabitkan orang beliau (Anwar) sekalipun ada bukti kukuh.

"Beliau telah menyalahgunakan kuasanya, mana-mana salah laku dilaporkan oleh ahli parti, kalau orang dia (Anwar), maka tidak dikenakan tindakan.

"Sekalipun ada bukti sah, ada laporan polis, laporan BPR (Badan Pencegah Rasuah), surat sumpah, bukti wang tunai, bukti siapa pemberi dan siapa yang menerimanya... semua ditolak.

"Tapi kalau yang dituduh itu dianggap penentang dia, segala kes yang ada akan diselesaikan dengan cepat," katanya selepas majlis bersama rakyat di Kebun Teh di sini, hari ini.

Pendedahan itu adalah yang kedua dibuatnya membabitkan Anwar. Minggu lalu, Mohamed mendakwa beberapa bahagian menerima peruntukan RM1 hingga RM2 juta bagi menjatuhkan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)